

09/09/1999

Pemimpin anggap manifesto BN tepat

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) menyifatkan manifesto BN bagi pilihan raya umum akan datang yang memberi penekanan kepada keharmonian hidup antara kaum, bertepatan dengan konsep dan amalan kerajaan selama ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata keharmonian hidup antara kaum di negara ini memang menjadi teras kepada falsafah perjuangan BN.

Katanya, BN berdiri teguh atas konsep memperkukuhkan perpaduan nasional dan kestabilan negara.

"Perkara ini diambil kira dalam semua aspek dasar kerajaan BN, seperti memastikan peluang pendidikan dapat diwujudkan secara sama rata, tidak bersifat elitis dan dibatasi faktor perkauman," katanya.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata demikian ketika mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa manifesto BN bagi pilihan raya akan datang memberi penekanan kepada keharmonian hidup antara kaum di negara ini dengan memastikan tidak timbul sebarang ketetangan sesama mereka.

Najib berkata, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru juga mengambil kira aspek berkenaan dengan memastikan pembahagian kekayaan negara lebih adil dan saksama.

"Konsep ini menjadi formula dan pendekatan yang berjaya. Ini akan terus dilaksanakan oleh BN," katanya.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata keharmonian kaum dan kestabilan masyarakat menjadi asas penting dalam apa juga keadaan termasuk dalam organisasi, pertubuhan atau masyarakat umum.

"Tanpa kestabilan dan keharmonian adalah sukar bagi sesebuah organisasi, masyarakat atau negara untuk berkembang maju, malah akan membawa kepada kemunduran," katanya selepas mesyuarat mingguan Kabinet, di sini hari ini.

Dr Ling berkata selama ini BN sentiasa mengutamakan ketelusan dan kebaikan dalam usaha menyatupadukan rakyat.

Presiden Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas pula berkata manifesto itu bertepatan dengan amalan BN selaras dengan keadaan di Malaysia yang didiami masyarakat pelbagai kaum.

"Itulah keistimewaan negara ini, masyarakat kita mampu hidup dalam suasana yang penuh harmoni dan aman.

"Oleh itu kami di PPP yang juga dianggotai masyarakat pelbagai kaum menyokong penuh manifesto BN ke arah menjamin keharmonian antara kaum di negara ini," katanya.

(END)